

# Pemimpin

U.M. - 2 SEP 1993

# pentingkan

# Sabah

# diri - PM

Oleh  
**LOKMAN OTHMAN**

**K**UCHING 1 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Sabah menghadapi masalah pembangunan kerana sikap pemimpinnya yang banyak membazirkan tenaga dan wang untuk berkonfrontasi dengan Kerajaan Pusat.

Katanya, pemimpin-pemimpin itu hanya mementingkan diri sendiri tanpa mengambil kira nasib rakyat mereka sendiri.

Beliau menegaskan, sikap pemimpin-pemimpin negeri itu yang masih tebal dengan tanggapan Sabah untuk orang Sabah sebenarnya merugikan rakyat sendiri dan menyebabkan ia ketinggalan

jauh daripada jirannya Sarawak.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di lapangan terbang antarabangsa di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, pagi ini.

Menurut Perdana Menteri, walaupun kerajaan negeri dan Persekutuan mempunyai kuasa-kuasa tertentu yang berbeza, ini tidak bermakna kerjasama dan perpaduan tidak boleh diwujudkan.

"Kita berada di sebuah negara yang Kerajaan Pusat dan negeri mempunyai kuasa-kuasa tertentu, tetapi ada kalanya jika kuasa berkenaan disalahgunakan disebabkan percanggahan yang berlaku antara kedua-dua pihak,

■ Lihat muka 2 ✓

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

### Pemimpin Sabah pentingkan diri — PM

U.M. - 2 SEP 1993

pembangunan dan pentadbiran akan terjejas," katanya.

Beliau memuji Kerajaan Negeri Sarawak yang sanggup menyetepikan kepentingan pemimpin demi kebajikan rakyat melalui pengurusan dan pentadbiran yang berkesan.

"Hasilnya, sekain hubungan yang baik dengan Persekutuan, kita dapat lihat Sarawak mengalami pertumbuhan yang lebih pesat berbanding jirannya (Sabah)," ujar beliau.

Misalnya, beliau begitu kagum dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh rakyat Sarawak sehingga menjadikan perayaan Hari Kebangsaan ke-36 kali ini adalah yang terbaik yang pernah dianjurkan.

"Walaupun mereka orang Sarawak, tetapi mereka tetap meletakkan diri mereka sebagai orang Malaysia melalui acara-acara, nyanyian dan persembahan yang telah ditunjukkan," ujarnya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri menyuarakan keraguannya terhadap usaha Kerajaan Sabah hendak berbaik-baik semula dengan Kerajaan Persekutuan.

"Usaha-usaha (pemimpin-pemimpin kerajaan) Sabah nampaknya kurang jujur. Saya terpaksa akui pengalaman yang telah kita alami dengan mereka pada pilihanraya lalu. Kita ragu-ragu dengan pemimpin Sabah bukan dengan rakyat mereka," ujarnya.

Mengenai hasrat Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) untuk menyertai semula Barisan Nasional Negeri (BN3), Dr. Mahathir yakin ia akan menjadi kenyataan.

Katanya, hubungan antara kedua-dua pihak nampaknya semakin rapat ketika ini.

Oleh itu, jelasnya, terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin parti komponen BN di Sarawak untuk memutuskannya.